

# Monopoli Touch ‘n Go dikaji semula

**Kuala Lumpur:** Monopoli Touch ‘n Go mungkin ditimbang semula kerana dilihat tiada kemajuan meyakinkan dalam perkhidmatan sistem itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketika memberi bayangan itu berkata, Touch ‘n Go sudah beroperasi selama dua dekad, namun tidak meyakinkan atau mempunyai perkembangan.

Menjawab soalan peserta sama ada kerajaan mempunyai sebarang perancangan untuk melihat semula perkhidmatan Touch ‘n Go, Anwar berkata, “Saya rasa anda betul. Kita akan menimbangkannya semula,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi soal jawab terbuka bersama belia yang diadakan buat julung kalinya pada program Youth Empowerment Fair 2023 (YEF 2023), Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, semalam.

Pada sesi soal jawab terbuka itu, lebih 8,000 belia diberi peluang untuk bertanya terus kepada Anwar bagi mendapatkan pelbagai maklumat berkaitan pemerkasaan belia.

Pada Januari lalu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub, dipetik berkata, satu pasukan khas ditubuhkan bagi menjalankan kajian dan meneliti semua masalah yang timbul berhubung penggunaan sistem pembayaran, Touch ‘n Go.

Katanya, pasukan khas yang ditubuhkan serta-merta itu diketuai ketua setiausaha (KSU) kementerian itu dan wakil syarikat pengendali sistem Touch ‘n Go, akan mengemukakan semua laporan mengenai masalah yang timbul dan perlu diselesaikan.